

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Zulhijjah 1445H/ Jun 2024

ACIS

HIKMAH DAN FALSAFAH SERTA PERBAHASAN HUKUM BERKENAAN IBADAH HAJI

Panduan Ringkas Hukum Hakam Ibadat Korban 6
Bermazhab dan Bertaklid dalam Islam 7
Kematian yang dicemburui 9

eISSN 2600-8289



9 77 2600 8280 01



Halal Family Day 2024

Oleh:

Nurul Faizah binti M. Asrar

Pelajar Diploma Pengurusan Halal, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Dr Nabilah Huda binti Zaim

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Sabtu 11 Mei 2024 - Persatuan Diploma Pengurusan Halal telah menganjurkan satu program hari sukan iaitu Halal Family Day 2024. Halal Family Day ini diadakan tidak lain tidak bukan adalah untuk memupuk ukhwah para pelajar dan para pensyarah ACIS khususnya. Program ini juga melibatkan semua AJK PDPH, pelajar ACIS serta pensyarah ACIS yang berkelapangan untuk turut hadir memeriahkan program HFD 2024. HFD 2024 diadakan di padang UiTM Kampus Kuala Pilah. Untuk pengetahuan, semasa program ini berlangsung pihak PDPH telah membuka 9 tapak gerai untuk disewa oleh mana-mana kelab atau persatuan untuk membuat jualan. Program ini dibawah arahan Nuurul Faizah binti M.Asrar.

Program ini bermula jam 7:00 pagi iaitu dimulai dengan

persiapan tempat dan persediaan pembukaan gerai oleh kelab-kelab persatuan. Terdapat beberapa kelab persatuan termasuk pelajar yang membuka gerai dan pada pagi tersebut mereka datang lebih awal untuk persiapan gerai masing-masing. Seterusnya pada jam 7:40 ketibaan Koordinator ACIS Dr Hasif bin Jaafar dan para pensyarah lain yang turut sama mengikuti program Halal Family Day 2024. Pada masa yang sama juga, para peserta yang menyertai pertandingan yang diadakan hadir dan membuat pendaftaran pada pagi itu. Selepas semua peserta, pensyarah dan penonton hadir, program terus dimulakan dengan bacaan doa daripada Ariff Hafizee sekali gus dengan kata alu-aluan daripada Koordinator ACIS, Dr Hasif bin Jaafar.

Pada jam 8:40 pagi bermulanya semua para peserta dan pensyarah melakukan senamrobik sebelum pertandingan dimulakan. Antara permainan yang dipertandingkan adalah, cari gula-gula dalam tepung, bola beracun, sambut belon air, passing getah guna straw, isi air dalam botol dan akhi sekali sebagai pertandingan kemuncak iaitu Tarik tali yang hanya dipertandingkan oleh pelajar lelaki. Pada jam 12:00 tengah hari Halal Family Day 2024 diakhiri dengan sesi penyampaian hadiah dan sesi fotografi sebagai kenang-kenangan bersama.





Perjumpaan Pengurusan Tertinggi ACIS Bersama Staf ACIS & Pelajar Diploma Pengurusan Halal (IC120)

Oleh:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Nasif Sidquee bin Pauzi

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Pada 15 Mei 2024, satu perjumpaan pengurusan tertinggi Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) telah diadakan bersama staf akademi dan pelajar Diploma Pengurusan Halal (IC120) di UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah. Perjumpaan ini berlangsung dari jam 8.30 pagi hingga 1 petang, dengan tujuan utama untuk meningkatkan kerjasama dan pemahaman antara pengurusan tertinggi, staf akademik, dan para pelajar.

Pengurusan tertinggi yang hadir dalam perjumpaan tersebut termasuklah Dekan ACIS, Prof Dr Mohd Afandi Mat Rani, Timbalan Dekan Akademik iaitu Prof Dr S. Salahuddin Suyurno, Timbalan Dekan Penyelidikan Jaringan Industri

PM Dr Mohd Syahiran Abdul Latif, dan Dr Mohd Dasuqkhi Mohd Sirajuddin. Mereka semua memainkan peranan penting dalam membentuk dasar dan arah tuju akademi serta memastikan kualiti akademik yang diberikan adalah pada tahap yang terbaik.

Selain daripada sesi ucapan dan perkongsian ilmu, perjumpaan ini juga menyediakan sesi soal jawab di mana para pelajar dan staf boleh mengajukan soalan dan mendapatkan penjelasan lanjut mengenai isu-isu yang mereka hadapi. Sesi ini memberi peluang kepada semua pihak untuk berinteraksi secara langsung dengan pengurusan tertinggi dan mendapatkan pandangan serta nasihat yang berguna.

Secara keseluruhannya, perjumpaan ini dianggap berjaya dalam mencapai matlamatnya. Ia bukan sahaja memperkukuhkan hubungan antara pengurusan, staf, dan pelajar, tetapi juga memberi inspirasi dan motivasi kepada semua yang terlibat untuk terus berusaha dan memberikan yang terbaik dalam bidang masing-masing. Diharapkan perjumpaan seperti ini akan terus diadakan secara berkala untuk memastikan kesinambungan kerjasama dan komunikasi yang efektif antara semua pihak dalam ACIS.

